

## Matlamat hidup : penunjuk arah kehidupan idaman Bahagian 1 / 4



**Dr. Ali Qassem**  
[www.aliqassem.com](http://www.aliqassem.com)

Sepanjang perjalanan hidup saya, semua orang yang saya temui (tidak ada yang terkecuali) inginkan satu kehidupan yang mengikut rentak mereka. Namun, bila ditanya apa sebenarnya bentuk kejayaan yang mereka inginkan, mereka tidak dapat memberikan satu kepastian. Mereka bertungkus lumus kerja sepanjang perjalanan hidup tanpa mengetahui apa yang ingin mereka capai dan juga arah tujuan mereka.

Kebanyakan orang bergerak dan mengarahkan hidup sendiri dengan mengikuti jejak langkah orang lain – ahli keluarga, rakan-rakan dan orang-orang yang mereka ketahui. Mereka berbuat demikian kerana adalah lebih mudah mengikuti jejak orang lain daripada

mencari satu jalan baru untuk diri sendiri.

Jim Rohn pernah berkata, “Satu perkara yang mengagumkan yang dianugerahkan kepada manusia adalah keinginan yang tidak pernah terpadam untuk mengidamkan kehidupan yang lebih baik, dan kemampuan untuk mencapai apa yang diidamkan dalam hidup.”

Ada juga sesetengah orang tidak dapat mencapai apa-apa dalam hidup walaupun keinginan yang diinginkan yang kecil. Ini adalah kerana mereka tidak menetapkan matlamat hidup, tidak mengetahui keperluan menetapkan matlamat hidup dan tidak mengetahui bagaimana hendak menetapkan matlamat hidup.

Mungkin ada di antara kamu yang akan tertanya-tanya, “Betulkan seseorang dapat membina kehidupan yang diinginkan? Bolehkah impian seseorang itu menjadi satu kenyataan? ‘YA, BOLEH sekiranya orang itu betul-betul telah menetapkan matlamat hidup!’

Tanpa impian, visi, pelan tindakan, seseorang tidak akan mencapai apa-apa. Vincent Van Gogh berkata, “Matlamat-matlamat hidup kita hanya dapat dicapai dengan mempunyai satu set perancangan rapi, di mana kita harus yakin dan bertindak dengan penuh samangat. Tidak ada cara lain untuk berjaya.”

Perkara pertama yang perlu dilakukan sebelum menaiki bas atau teksi, anda perlu mengetahui destinasi anda. Jika tidak anda akan berakhir entah di mana. Seorang pemanah tidak akan mengena pada sasaran jika dia tidak nampak papan memanah. Sekiranya tidak kena

pada sasaran walaupun nampak papan sasaran, dengan latihan demi latihan, akhirnya akan kena pada sasaran juga.

Ramai orang gagal kerana tidak ada sasaran (matlamat hidup) yang hendak dikenakan. MATLAMAT HIDUP adalah intipati kemenangan anda dan apa yang anda akan dapat dalam hidup. Matlamat hidup bolehlah dikatakan sebagai minyak gas yang memberi anda kuasa untuk bergerak ke depan seterusnya mencapai apa yang diinginkan.

Bayangkan anda berada dalam satu situasi di mana anda telah sesat di tengah-tengah hutan tebal pada waktu malam yang sejuk. Keadaan sekeliling gelap gelita. Anda tidak tahu hendak menuju ke arah mana, dengan itu pasti anda akan memilih untuk tidak berganjak dari tempat anda berdiri. Anda lebih rela menunggu di tempat asal sehingga bantuan tiba daripada bergerak dalam keadaan yang gelap. Tetapi sekiranya anda ternampak cahaya terang di depan, anda pasti akan bergerak menuju ke arah cahaya itu walaupun anda tidak nampak apa yang ada di sekeliling anda. Matlamat anda adalah menuju ke tempat cahaya.

Pemilihan matlamat hidup dan bekerja ke arahnya akan mengubah segala-galanya; pendapatan anda, jenis pekerjaan anda, gaya hidup anda, dan perasaan bangga anda.

Artikel ini saya tujukan khas kepada sesiapa yang ikhlas ingin aplikasikan sebaik mungkin idea dan pandangan yang dikemukakan. Tujuan saya adalah ingin menarik perhatian anda agar memulakan proses perubahan untuk diri anda sendiri dengan menetapkan matlamat hidup anda, mencapai

matlamat hidup anda dan memiliki satu kehidupan seperti yang anda idamkan. Namun, anda harus ingat bahawa anda harus bekerja dengan idea dan pandangan yang dikemukakan.

Penetapan matlamat hidup bukan hanya akan meningkatkan keyakinan diri anda dan melaksanakan kerja dengan cemerlang, malahan ia juga dapat memberi satu panduan arah, membuatkan anda merasakan hidup ini lebih bermakna, menjimatkan masa dan mengurangkan tahap stres anda.

Langkah paling utama dalam menetapkan matlamat hidup adalah mengetahui dengan jelas dan spesifik apa yang sebenarnya anda inginkan. Kemudian, berikan alasan yang munasabah dan kukuh tentang pilihan matlamat hidup anda. Selepas itu, senaraikan sumber-sumber yang sedia ada dan yang diperlukan untuk membantu anda untuk mencapai matlamat hidup. Anda juga perlu mengetahui rintangan-rintangan yang ada dan cara atasi.

Anda perlu berhati-hati dalam penetapan matlamat hidup. Pastikan matlamat hidup anda adalah yang spesifik, realistik, had masa, boleh dicapai dan boleh diukur. (Akan diterangkan dengan lebih lanjut dalam artikel akan datang)

Albert Einstein pernah berkata, "Imaginasi lebih penting daripada ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan adalah terhad. Imaginasi mengelilingi dunia." Dengan itu semasa membuat penetapan matlamat hidup, anda perlu bekerjasama dengan imaginasi anda bukan ingatan.

Cuba anda lihat di sekeliling anda; kereta, bangunan tinggi, satelit, kapal terbang, telefon bimbit, televisyen dan sebagainya) adalah satu gambaran imaginasi dalam minda para pencipta. Kemudian imaginasi ini ditukarkan kepada sesuatu yang nyata. Pencipta kapal terbang, misalnya, mempunyai satu imaginasi kalaulah saya boleh terbang seperti burung...

**Bersambung...**